

## **PELANUNAN DI PESISIR PANTAI KEDAH PADA ABAD KE-18 DAN KE-19<sup>1</sup>**

**Ibrahim bin Ahmad**

Tel.: 017-5781731, E-mail: ibrahima@unikl.edu.my

**Sharif bin Harun**

Tel: 016-2325037, E-mail: sharifharun@unikl.edu.my

UnikL RCMP, Ipoh, Perak Darul Ridzuan  
No. 3, Jalan Greentown, 30450 Ipoh, Perak, Malaysia

### **ABSTRAK**

Sekitar abad ke-18 dan ke-19, pesisir pantai Kedah terdedah kepada ancaman lanun. Pada tempoh tersebut terdapat laporan dan catatan pentadbir British kegiatan ini berleluasa hingga mengancam penduduk tempatan, pedagang dan mengganggu pentadbiran British di Negeri-negeri Selat. Berdasarkan catatan pentadbir British, antara kawasan utama kegiatan ini ialah di sekitar Pulau Langkawi, Kuala Kedah, Kuala Muda, Pulau Pinang dan Tanjung Piandang. Kegiatan ini begitu aktif semasa Perang Kedah – Siam dan Perang Larut di Perak. Serangan lanun bukan sahaja dilakukan ke atas perahu-perahu tempatan malah kapal-kapal dagang yang melalui perairan Kedah serta petempatan penduduk berdekatan pesisir pantai. Berdasarkan rekod-rekod pentadbir British, kegiatan ini bukan sahaja melibatkan pelbagai etnik Melayu malah orang Cina dan Siam serta penguasa-penguasa tempatan yang berselindung di sebalik kegiatan perdagangan. Sebagai tindak balas menangani kegiatan ini, pihak Inggeris melakukan rondaan menggunakan kapal-kapal perang dengan dibantu oleh pembesar-pembesar tempatan. Beberapa peraturan juga diperkenalkan bagi membanteras kegiatan ini dan hasilnya kumpulan lanun berjaya ditangkap dan dibicarakan serta dikenakan hukuman berasaskan perundangan British. Namun, terdapat juga pertikaian serta percanggahan dari aspek perundangan tempatan dan British hingga memaksa beberapa kes digugurkan.

**Kata kunci:** *Pelanunan, Kedah, perundangan, perdagangan, rekod-rekod British*

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan dalam PASAK 2019, KUIS, pada 24 – 25 April 2019.

## SELAYANG PANDANG

Sejarawan tempatan dan Barat tidak pernah menafikan kewujudan kegiatan merompak di laut atau ‘melanun’ di Selat Melaka. Walaupun tarikh sebenar kemunculan kegiatan ‘melanun’ di selat ini tidak dapat dipastikan dengan jelas, namun fenomena merompak di laut atau ‘melanun’ dipercayai wujud sejak ada berita tentang pelayaran dan perdagangan melalui laut,<sup>2</sup> malahan kegiatan ini juga direkod sama seperti kes-kes jenayah yang lain.<sup>3</sup> Justeru, perompakan di laut merupakan cabaran utama yang terpaksa dihadapi kapal-kapal yang menggunakan perairan Selat Melaka apatah lagi pada masa itu kawasan daratan Semenanjung Tanah Melayu tidak mempunyai jalan darat yang sempurna.

Mengimbu kembali kegiatan pelanunan di pesisir pantai Kedah, sejak abad keempat Masihi lagi pesisiran Selat Melaka dipercayai menjadi sarang lanun dan mengancam aktiviti perdagangan dari China dan India. Hal ini diakui oleh seorang agamawan Buddha, iaitu Shi Fa Xian ketika melalui Selat Melaka semasa dalam perjalanan pulang dari India dan Sri Lanka ke Guangzhaou pada tahun 412 masihi dan beliau mencatatkan;

“...[in the Straits of Malacca], the sea is infested with pirates, and any passenger who encounter them will lose everything”.<sup>4</sup>

Kegiatan melanun berterusan dan menjadi lebih jelas jika meneliti rekod-rekod yang ditemui pada abad ke-18 dan ke-19 yang mencatatkan kegiatan melanun semakin berleluasa hingga mengancam keselamatan serta aktiviti perdagangan di perairan Selat Melaka.<sup>5</sup> Antaranya termasuklah laporan-laporan, minit-minit mesyuarat, dan beberapa catatan pegawai-pegawai kolonial yang dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Jajahan British.<sup>6</sup> Dalam hal ini, lanun-lanun bukan sahaja menyerang perahu-perahu tempatan malah berani ‘melanun’ kapal-kapal Eropah yang berdagang di perairan Melayu.<sup>7</sup>

---

<sup>2</sup> Ahmad Jelani Halimi, *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, hal. 190.

<sup>3</sup> “Piracy, like murder, is one of the earliest of recorded human activities”. Lihat penjelasan oleh Philip Gosse, *The History of Piracy*, Tudor Publishing Company: New York, 1934, hal. 1 – 9. Berkaitan sejarah awal pelanunan di Barat, lihat Hamilton Cochran, 1961, *Pirates of the Spanish Man*, New York: American Heritage Publishing Co., hal. 10.

<sup>4</sup> Shi Fa Xian, 1985, *Fa Xian Zhuan Jiao Zhu (The Travel Notes of Fa Xian)*, Shanghai: Shanghai Guji Chuban She, hal. 67. Lihat juga Paul Wheatley, 1966, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, hal.38

<sup>5</sup> Ahmad Jelani Halimi, *op.cit.*, hal. 193.

<sup>6</sup> Kebanyakan tajuk laporan, minit mesyuarat dan surat berkaitan menggunakan istilah *pirates* dan *piracy*. Laporan dan surat-surat ini disimpan di Jabatan Arkib Negara Malaysia, National Archives of India, National Archive of Singapore dan beberapa buah perpustakaan di negara-negara Barat terutamanya Britain dan Belanda. Penyelidik pernah meneliti rekod-rekod tersebut di Arkib Negara Malaysia, Arsip Nasional Republik Indonesia, dan Arkib Nasional Singapura.

<sup>7</sup> Misalnya, kapal British *Malacca*, *Commerece*, *Sultana*, *Lord Melbourne*, *Young Queen* dan *Anna*. Kapal Perancis ialah *Sabine* dan *A.S. Friendship*. Lihat Tan Din Eing, 1975, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., hal. 71.

Tidak ketinggalan para penulis *Euro-centric* seperti Phillip Ghosse, Carl A. Trocki, Alfred P. Rubin Nicholas Tarling dan James Francis Warren juga membahaskan isu pelanunan secara khusus dalam karya-karya mereka. Dalam hal ini, mereka melabel para pelaut dan pelayar Melayu dan bukan Melayu sebagai *pirates*, iaitu perbuatan jenayah berat yang menyalahi perundangan antarabangsa.<sup>8</sup> Hal ini disebabkan mereka menganggap aktiviti merompak di pesisir Selat Melaka adalah seperti *pirates* dan *piracy* yang wujud di perairan negara mereka.<sup>9</sup>

Sekaliupun istilah lanun ini tidak dipersetujui oleh penulis-penulis *Malay-centric* yang menyangkal dakwaan ini seperti Andrian B. Lopian, Moktar Petah, Datu Bandira Alang dan Ahmad Jelani Halimi, namun sehingga kini istilah ini terus sebatu dalam penulisan-penulisan berkaitan kelautan di rantau ini. Bahkan *piracy* jika diterjemahkan kepada makna dalam bahasa Melayu masih merujuk kepada maksud ‘lanun’<sup>10</sup>, ‘perompak laut’<sup>11</sup>, ‘bajak laut’ atau ‘perompak lanun’.<sup>12</sup>

## PELANUNAN DI PESISIR PANTAI KEDAH

Kedah merupakan salah sebuah negeri Melayu tertua dan mempunyai sempadan laut di Selat Melaka. Berasaskan penemuan arkeologi, sejak abad ke-5 lagi Kedah merupakan sebuah kerajaan pelabuhan<sup>13</sup> dan menjadi pusat lalu lintas pelayaran di hujung utara Selat Melaka. Lazimnya, kapal-kapal yang belayar dari Arab, Parsi, India, dan Ceylon akan singgah di pelabuhan Kedah sebelum meneruskan pelayaran ke mana-mana pelabuhan yang terletak di pesisir Selat Melaka. Kedudukan Kedah sebagai kerajaan pelabuhan berterusan sehingga Francis Light menduduki Pulau Pinang pada tahun 1776. Malahan, pelabuhan Pulau Pinang terus berkembang pesat dan menjadi tumpuan utama pedagang dan saudagar setelah diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas cukai.

<sup>8</sup> Tuduhan sebagai lanun masih kekal hingga abad ke-20. Misalnya Phillip Ghose melalui karyanya *The History of Piracy*, Carl A. Trocki melalui karya ‘*Prince of Pirates: The Temenggongs and the Development of Johor and Singapore 1784-1885*’, Alfred P. Rubin melalui karya ‘*Piracy, Paramountcy and Protectorates*’, Nicholas Tarling melalui karya ‘*Piracy and Politics in the Malay World*’, dan James Francis Warren melalui karya ‘*The Sulu Zone 1768 – 1898*’. Semua karya ini merupakan ulasan kepustakaan dan rujukan bagi penyelidikan ini.

<sup>9</sup> Misalnya Rubin yang mentakrifkan pelanunan sebagai “...something akin to robbery at sea without political license.” Lihat Alfred P. Rubin, 1974, *Piracy, Paramountcy and Protectorates*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hal. 5-6.

<sup>10</sup> Istilah lanun mula digunakan oleh pegawai-pegawai British di India dan Kepulauan Melayu sejak tahun 1830 sebagai merujuk kepada kes-kes rompakan yang berlaku di laut seperti yang berlaku di Tanah Melayu. Alfred P. Rubin, dalam Law Sze Yung, “Perang dan Perlanunan di Sarawak pada Era Penjajahan Abad ke-19”, *Tesis Sarjana* (Tidak diterbitkan), Universiti Sains Malaysia, hal. 167. Terdapat juga penulis-penulis Barat yang mengekalkan penggunaan istilah ini, misalnya R. Bonney melalui karyanya *Kedah 1771 – 1821: The Search for Security and Independence*. Lihat R. Bonney, *Kedah 1771 – 1821: The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hal. 90 – 95.

<sup>11</sup> Selepas abad ke-19, istilah lanun telah digunakan oleh orang Melayu sebagai ganti bagi istilah ‘perompak laut’, Ahmad Jelani Halimi, *op.cit.*, hal. 189.

<sup>12</sup> Andrian B. Lopian, *Orang Laut-Bajak Laut-Raja Laut: Sejarah Kawasan Laut Sulawesi Abad ke XIX*. Jakarta: Komunitas Bambu, 2009, hal. 119.

<sup>13</sup> Pelabuhan awalnya di Lembah Bujang, iaitu sama ada di Sungai Mas atau Pangkalan Bujang. Kedah bukan sahaja berfungsi sebagai pelabuhan transit, malah pusat perdagangan entreport.

Di samping itu, dari aspek geografi keadaan permukaan darat dan laut, cuaca, tiupan dan gerakan angin bukan sahaja menggalakan masyarakat terlibat dalam kegiatan perdagangan malah kegiatan melanun yang menjadi ‘sumber pendapatan’ mereka. Dengan erti kata lain, latar belakang dan struktur alam persekitaran adalah antara faktor utama dalam menentukan liku-liku sejarah kegiatan ekonomi penduduk di negeri-negeri pesisir pantai selat Melaka termasuklah kegiatan melanun. Hal ini pernah ditegaskan oleh L. A. Mills;

*The geography of the East Indian islands is so peculiarly suitable for piracy that the suprising thing would have been if it had not existed. The whole of the vast Archipelago is a maze of islands divided by straits and gulfs, some of them of great size, an other so narrow as to be barely navigable.*<sup>14</sup>

### **KEGIATAN MELANUN DI KEDAH**

Sebelum menjelaskan kegiatan melanun yang menjadi sebahagian daripada catatan sejarah Kedah, terlebih dahulu disoroti peranan Orang Laut dalam pemerintahan Kedah kerana mereka pernah menjadi sebahagian daripada pengawal laut di perairan negeri ini sejak abad ke-17 hingga ke-18.<sup>15</sup> Pada ketika itu, mereka berkhidmat di bawah Laksamana Kedah dan sangat setia dengan pemerintah Kedah. Sekitar tahun 1810 masehi, terdapat juga berita tentang Orang Laut yang menyekat dan menyerang kapal-kapal dagang yang belayar memasuki Teluk Benggala dan Selat Melaka atas arahan Kedah bagi pihak Siam.<sup>16</sup> Hal ini berdasarkan suatu perintah diraja kepada ketua Orang Laut oleh Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah pada 1133 H (1720 / 1721 M),<sup>17</sup> sekaligus membuktikan memang wujud hubungan mereka dengan pemerintah Kedah.<sup>18</sup>

Berdasarkan laporan pihak Barat, kegiatan merompak di pesisir Kedah memang wujud sebelum abad ke- 18 lagi terutamanya dalam kalangan Orang Laut yang mendiami pulau-pulau di utara Kedah. Namun begitu, tidak dapat dipastikan sama ada orang Bugis atau Orang Laut yang bermaharaja lela melakukan kegiatan merompak di perairan negeri tersebut. Hal ini disebabkan kebanyakan mereka akan berlindung di Pulau Pinang ketika ‘musim merompak’ atau ‘musim melanun’ di Selat Melaka antara bulan November hingga April.<sup>19</sup>

Selain itu, semasa pendudukan Siam di Kedah, kegiatan merompak di pesisiran pantai negeri tersebut juga sering berlaku seperti yang dilaporkan melalui akhbar-akhbar berbahasa Inggeris. Antaranya ialah akhbar *Princes of Wales Island Gazzete* yang

<sup>14</sup> L. A. Mills, 1966, *British Malaya 1824 – 67*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hal. 222.

<sup>15</sup> Carl A. Trocki, 1979, *Prince of Pirates*, Singapore: National University of Singapore Press, hal. xvi – xvii.

<sup>16</sup> R. O. Winstedt, *A History of Malaya*. Kuala Lumpur: Merican and Sons, 1986, hal: 166.

<sup>17</sup> Dua tahun sebelum pencerobohan Bugis ke atas Kedah dan sebelum ketibaan Raja Kecil Siak di Kedah.

<sup>18</sup> B. W. Andaya, 1976, “The Role of Anak Raja in Malay History, A Case Study from Eighteenth-Century Kedah”, *JSEAS*, September, hal. 318.

<sup>19</sup> E.D. Sopher, 1977, *The Sea Nomads*, Singapore: National Museum Singapore, hal. 98.

memaparkan serangan dan rompakan Orang Laut dari Langkawi ke atas bot *Hawk*, iaitu bot yang membawa senjata Inggeris. Mengikut laporan akhbar bertarikh 7 Disember 1834, rompakan ini dirancang oleh kumpulan lanun dari Lingga, Siak, Galang dan beberapa pulau lain di sekitar Singapura. Setelah seminggu berlalu tragedi itu, akhbar yang sama juga melaporkan bahawa rompakan tersebut memang dilakukan oleh Orang Laut yang telah kembali ke Pulau Langkawi. Pihak berkuasa Inggeris yang menggeledah bot mereka yang ditinggalkan di tepi pantai telah menjumpai buku penjampian yang digunakan untuk menarik mangsa ke dalam perangkap atau ‘jaring’ mereka.<sup>20</sup> Hal ini bererti Orang Laut begitu kuat terikat dengan amalan mistik serta taboo semasa berada di laut hatta semasa melakukan kegiatan merompak.

Seperti di beberapa buah negeri-negeri Melayu lain, misalnya Selangor atau Perak, kebanyakan kegiatan merompak di pesisiran Kedah melibatkan pelbagai pihak sama ada golongan rakyat mahu pun pemerintah. Terdapat sesetengah kes penguasa tempatan yang dituduh, dibicara dan dipenjara atas kesalahan sebagai lanun, namun dibebaskan semula kerana tidak mempunyai bukti yang kukuh. Sebagai contoh, pihak Inggeris di Pulau Pinang pernah memenjara Syed Hussin atas tuduhan sebagai lanun kerana beliau mempunyai sepasukan kapal perang di pelabuhan Pulau Pinang. Dalam hal ini, Sir Edmond Stanley yang bertindak sebagai *Recorder*<sup>21</sup> menjatuhkan hukuman penjara. Kemudian, Stanley merasakan tindakannya adalah bertentangan dengan undang-undang British lalu secara bersendirian masuk ke dalam tempat tahanan dan membebaskan Syed Hussin.

Selain itu, Sultan Muhammad Jiwa dari Kedah juga pernah dituduh sebagai lanun oleh Kapten John Mackmath dalam peristiwa serangan dan rompakan sebuah kapal layar *Northumberland* pada 19 April 1756.<sup>22</sup> Pihak Inggeris telah menuduh baginda mengarahkan pengikutnya merompak kapal layar kepunyaan Inggeris tersebut. Walau bagaimanapun, baginda sekeras-kerasnya menafikan tuduhan tersebut kerana semasa kejadian itu baginda berada di Kuala Perlis. Dalam hal ini, David Bassett yang pernah membincangkan tuduhan Kapten John Mackmath terhadap Sultan Muhammad Jiwa sebagai lanun mencatatkan;

*... Publicly... at a Grand Council at Purles [Perlis] July 15 all the other Princes in the Kingdom present. 1760 in presence of Rajah Bendahara, next in place to the Kong and [of] Syed Mahomed Jarr the King's Brother in law.*<sup>23</sup>

<sup>20</sup> Lihat *Princes of Wales Island Gazette* bertarikh 14 Disember 1834.

<sup>21</sup> Beliau merupakan *Recorder* pertama di *Court of Judicature for Prince of Wales Island* yang bermula pada 25 Mac 1807. Pada masa itu hakim dikenali sebagai *Recorder*. J.R. Logan, 1851, “Notices of Penang” dlm. *JIAEA*, Vol. IV, hal. 26.

<sup>22</sup> Dalam Julie Tang Su Chin, 2002, “Sejarah Kerajaan Perlis 1841 – 1957”, *MBRAS Monograph No. 32*, hal. 43

<sup>23</sup> Dipetik daripada Julie Tang Su Chin, *Ibid.*, hal 43. Lihat juga D.K. Basset, *op. cit.*, hal. 5.

Isu pelanunan di Kedah agak ketara semasa pendudukan Inggeris di Pulau Pinang pada suku abad ke-18 dan pendudukan Siam di Kedah pada awal abad ke-19. Walau bagaimanapun, kegiatan merompak di laut di pesisiran negeri ini perlu diteliti dalam dua situasi utama. Isu pertama yang mewarnai isu ini ialah gerakan mengembalikan Pulau Pinang yang 'dirampas' oleh Francis Light melalui satu perjanjian pada tahun 1786 dengan Sultan Abdullah, dan kedua, gerakan pejuang-pejuang Kedah menentang pendudukan Siam di Kedah yang dipimpin oleh Syed Zainal Abidin atau dikenali Tunku Kudin pada tahun 1831-1832 serta perjuangan Tunku Muhammad Saad, Tunku Muhammad Taib dan Dato' Kama Jaya Wan Muhammad Ali pada tahun 1838-1839.

Bagi isu pertama, Francis Light pernah menuduh Sultan Abdullah bersubahat dan mengupah kumpulan Lanun dari Pulau Sulu yang datang ke Kuala Kurau, Perak dalam usahanya untuk merampas kembali Pulau Pinang daripada pihak Inggeris. Angkatan Lanun yang dipimpin oleh Tengku Endut, Yang Dipertuan Siak telah tiba di Kuala Kurau pada Disember 1790. Oleh sebab khuatir mereka menyerang Kuala Kedah, maka Sultan Abdullah telah memasang pancang-pancang di Kuala Sungai Kedah. Semasa angkatan Lanun ini singgah di Pulau Bunting, baginda mengambil kesempatan bekerjasama dengan mereka untuk membantu baginda mengusir Inggeris dari Pulau Pinang.

Bagi memastikan kumpulan Lanun ini menyokong hasrat tersebut, baginda menyediakan bekalan makanan, senjata, peluru dan berjanji untuk memberi hak kepada mereka mengambil barangan rampasan dari Pulau Pinang jika berjaya menawan pulau tersebut. Selain bertindak menyekat dan menahan perahu-perahu yang membawa bekalan makanan dan barangan mustahak ke Pulau Pinang, baginda juga mendirikan dua buah kubu di Perak.<sup>24</sup> Pihak Inggeris yang menyedari niat Sultan Abdullah itu telah mengambil kesempatan menuduh baginda bersekongkol dengan perompak Lanun dari Kepulauan Sulu dan juga Syed Ali yang merupakan ketua armada laut Siak. Baginda telah dituduh menghantar wakil untuk membuat perjanjian dengan kedua-dua kumpulan tersebut dan mereka akan diberikan wang berjumlah \$20,000.00 jika bersetuju membantu baginda merampas Pulau Pinang.<sup>25</sup>

Hakikatnya, Sultan Abdullah merupakan seorang pemerintah Kedah yang mempunyai hubungan dengan pelbagai pihak termasuklah di luar kawasan pemerintahan baginda. Oleh sebab itu, baginda mudah mendapatkan pertolongan daripada pihak luar dalam usahanya mendapatkan kembali Pulau Pinang setelah mendapati Francis Light mungkir janji dan cuba menipu baginda.<sup>26</sup> Francis Light sengaja melengah-lengahkan janjinya untuk melunaskan baki \$5,000.00 dan meletakkan syarat bakinya akan dilunaskan setelah orang Lanun meninggalkan Perai. Hal ini disebabkan Francis Light

---

<sup>24</sup> Penyelidik yakin salah sebuah kubu itu terletak di kawasan Changkat yang kini terletak di Seberang Perai Selatan. Mengikut cerita beberapa orang penduduk, sebuah kubu yang dibuat daripada kayu telah terbenam di dalam paya nipah di kawasan ini.

<sup>25</sup> Haji Buyong Adil, 1980, *Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 67. Lihat juga *SSFR* 2, 5<sup>th</sup> of January 1791, Francis Light to Fort William.

<sup>26</sup> *SSFR* 4, 22<sup>nd</sup> December 1790, Francis Light to General of India, Gullin & Zehnder 1905, hal. 6 dan Bernard, 2003, hal. 152 – 162.

menganggap semua bantuan bercorak peperangan itu sebagai bersekongkol dengan orang Lanun atau kumpulan lanun dari Kepulauan Sulu yang memang sudah terkenal dengan kegiatan merompak di laut. Di samping alasan bersekongkol dengan kumpulan lanun, syarat tersebut juga merupakan taktik Francis Light untuk menyerang dan membinasakan kubu-kubu pejuang Kedah yang didirikan di tebing Sungai Perai pada 12 April 1791.<sup>27</sup> Kekalahan pejuang-pejuang Kedah dalam serangan tersebut telah membawa kepada perdamaian antara Sultan Abdullah dengan Francis Light di Pulau Pinang melalui surat perjanjian yang ditandatangani pada 1 Mei 1791.<sup>28</sup>

Seterusnya, terdapat juga kes melanun yang melibatkan perahu pembesar tempatan di persisiran Kedah. Hal ini menunjukkan bahawa lanun-lanun terutamanya yang tidak berlindung dengan mana-mana pembesar tempatan bebas melakukan kegiatan ini untuk mendapatkan hasil. Sebagai contoh, sebuah perahu pembesar tempatan kepunyaan Long Ismail telah dirompak dan beberapa orang anak kapalnya dibunuh serta cedera parah. Mengikut surat yang dikirim oleh Long Ismail kepada Francis Light di Pulau Pinang, beliau menyatakan;

... maka adalah perintah khabar perahu cunda yang dirompak ambil oleh orang jahat itu maka sekarang ini telah nyatalah sudah kerana Cik Dol dan Cik Abdullah penyuruh cunda membawa perahu cunda itu Cik Abdullah mati dan Cik Dol itu luka parah di bawa teman masuk ke negeri Perak...<sup>29</sup>

Di samping itu, sekitar tahun 1790-an dan awal abad 1800 terdapat cerita lisan penduduk tempatan berkaitan kegiatan melanun yang diketuai oleh Panglima Misai Sebelah. Kawasan operasi mereka ialah di sekitar perairan Yan dan Kuala Muda. Mereka menyerang kapal-kapal dagang dan perahu-perahu tempatan yang melintasi Pulau Bunting, Pulau Telur, Pulau Bidan dan Pulau Songsong. Semua barangan rampasan dibawa lari melalui sebuah 'terowong' gua di sekitar Tanjung Jaga yang terletak di kaki Gunung Jerai. Walaupun cerita lisan ini tidak dapat dibuktikan melalui dokumen bertulis, namun kegiatan merompak di laut memang berlaku di perairan tersebut kerana pada masa itu pejuang-pejuang Kedah sedang berusaha mendapatkan semula Pulau Pinang daripada Francis Light. Malahan, tidak mustahil serangan di laut oleh kumpulan lanun ini merupakan sebahagian daripada strategi pihak Kedah untuk menyekat bahan makanan daripada sampai ke Pulau Pinang. Hal ini terbukti melalui hasil rampasan yang terdiri daripada bahan-bahan makanan yang lazimnya dijual di Pulau Pinang.

Isu kedua pula melibatkan kegiatan melanun yang berlaku semasa pendudukan Siam di Kedah sejak tahun 1821. Semasa pendudukan Siam di Kedah, pesisir pantai negeri ini sering digugat dengan kegiatan merompak yang dilakukan oleh penduduk

---

<sup>27</sup> Serangan ini melibatkan kapal perang *Dolphin*, *Princes Augusta*, dan *Valian* serta empat buah perahu perang (*gun boat*).

<sup>28</sup> Buyong Adil, *op. cit.*, hal. 46 – 47.

<sup>29</sup> Light Letters, MS 40320/3, S.O.A.S.

tempatan dan ‘gerila-gerila laut’ atau pejuang-pejuang Kedah. Suatu situasi penting yang perlu diteliti ialah kumpulan Panglima Nakhoda Udin dari Kuala Kurau yang sering melakukan rompak di perairan Kedah. Berdasarkan keterangan Wan Abu Bakar dan Wan Suliman, mereka juga melakukan rompak hingga ke kawasan perkampungan yang terletak berhampiran pesisir Kuala Muda. Dalam hal ini, sekitar tahun 1827, sebuah perahu dagang Cina yang dalam perjalanan dari Kuala Muda ke Pulau Pinang telah dirompak di sekitar Tanjung Belit dan seorang awak-awak Cina telah dibunuh oleh kumpulan perompak tersebut, manakala Lu Kow Cek [*Sic, Lucow Chek*] telah diselamatkan oleh Wan Abu Bakar dan Wan Suliman.<sup>30</sup>

Bagi kes serangan pejuang-pejuang Kedah yang dilabel sebagai lanun menimbulkan pandangan yang berbeza antara orang-orang Melayu Kedah dengan pihak Inggeris. Hal ini disebabkan pejuang-pejuang Kedah beranggapan tindakan menentang tentera Siam sebagai ‘perang jihad’ kerana mereka menentang orang kafir dan jika terkorban akan dianggap sebagai mati syahid serta akan dimasukkan ke dalam syurga. Walau bagaimanapun, ‘pegangan’ ini bertentangan dengan pandangan Gabenor Robert Ibbetson yang mengeluarkan perisytiharan bahawa mereka yang terlibat menyerang Kedah dianggap sebagai lanun.<sup>31</sup> Hal ini terbukti melalui surat bantahan oleh Gabenor Kedah kepada pihak Inggeris di Pulau Pinang yang dianggap membiarkan Tunku Kudin dan dua orang anak Tunku Long Putih,<sup>32</sup> iaitu Tunku Jaafar dan Tunku Dagang melancarkan serangan ke atas Siam di Kedah dari kawasan perairan Inggeris di Pulau Pinang. Bagi memuaskan hati pihak Siam seperti yang termaktub dalam Persetiaan Burney (1826), pihak Inggeris di Pulau Pinang mengarahkan Pesurujaya Polis Seberang Perai;

.... any person residing there who aid or abet the ex-Sultan of  
Kedah in making ini attack on Kedah “will be treated as pirates”  
....<sup>33</sup>

Ekoran itu, Tunku Muhammad Saad yang berundur ke Pulau Pinang telah ditahan oleh British dan dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan sebagai lanun. Walau bagaimanapun, berdasarkan dokumen mahkamah, laporan dan pelbagai sumber sejarah Thai, Putera Damrong menyatakan bahawa Tunku Muhammad Saad tidak terlibat dalam pemberontakan pada tahun 1838 dan 1839. Sebaliknya, beliau mendakwa Wan Mali atau Che Mali (Muhammad Ali), iaitu bekas ketua Armada Laut Kedah yang mengetuai pemberontakan ke atas Siam pada masa itu.<sup>34</sup> Walaupun beliau bebas daripada tuduhan

<sup>30</sup> Kenyataan Luow Chek tentang serangan lanun kepada R. Caunter bertarikh 8 Februari 1828. *SSFR*, Vol. 144.

<sup>31</sup> *C.O.* 273/1, “WKTD”.

<sup>32</sup> Tunku Long Putih merupakan penyokong kuat Tunku Kudin. *Ibid.*

<sup>33</sup> A. P. Rubin, 1974, *Piracy, Paramountcy and Protectorates*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hal. 6.

<sup>34</sup> Beliau mendakwa, ... ketua lanun Melayu di Ko Yao (Pulau Panjang) di kawasan Phuket. Terjemahan penulis. Lihat Udomsombat (peny), 1993, *Historical Background by Prince Damrong, dated 1906*, hal. 20.



melanun, beliau tetap dikenakan hukuman buang negeri ke Culcutta. Tidak lama kemudian, beliau dibenarkan pulang dan meninggal dunia di Pulau Pinang.<sup>35</sup> Tambahan pula, memang tidak adil untuk menuduh Tunku Muhammad Saad dan Wan Muhammad Ali sebagai lanun yang berpangkalan di Ko Yao atau Pulau Panjang kerana di pesisiran pantai Mergui dan Urok Lawai memang terdapat Orang Laut yang sering merompak kapal dan perahu dagang.<sup>36</sup>

Begitulah juga dengan sekumpulan anak raja Kedah yang diketuai oleh Tengku Long Putera yang dipercayai menjalankan kegiatan melanun di sekitar Larut, Perak.<sup>37</sup> Sementara Tunku Kudin (Kedah) pula digelar British sebagai *Royal Pirates* dan Sherard Osborn dalam bukunya *The Blockade of Kedah in 1838* menyamakan beliau dengan William Wallace of Scotland.<sup>38</sup> Selain itu, tidak lama selepas pencerobohan Siam di Kedah seorang wanita tempatan telah berkahwin dengan Wan Achan yang digelar sebagai ‘pengembara lanun’. Wan Achan<sup>39</sup> ialah saudara kepada Raja Pulau Baria di Medan yang juga merupakan sekutu Siak.<sup>40</sup>

Selain itu, terdapat juga laporan perompakan di laut yang berlaku di sekitar perairan Pulau Aman, Pulau Pinang<sup>41</sup> Pulau tersebut dipercayai menjadi tempat lanun atau perompak laut berselindung serta menyembunyikan senjata api setelah selesai melakukan perompakan. Berdasarkan cerita lisan penduduk yang ditemui, berhampiran pulau Aman ialah Pulau Gedong dan sehingga kini di pulau itu masih terdapat seketul ‘Batu Perompak’ dan ‘Gua Lanun’. Penulis mendapati versi cerita mereka adalah sama, iaitu pulau ini merupakan tempat persinggahan dan perlindungan daripada pemerintah semasa Siam menjajah Kedah.

Begitulah juga dengan kewujudan perjawatan dalam organisasi lanun seperti nakhoda, jurumudi, jurubatu dan panglima yang mengetuai aktiviti merompak di laut. Hal ini terbukti melalui laporan *Supritandant of Police Fort Cornwallis*, E. Stanley kepada William Petrie yang bertugas sebagai *Government in Council* di Pulau Pinang berkaitan nama seorang nakhoda dan beberapa orang panglima perompak. Dalam laporan bertarikh

---

<sup>35</sup> Rashade Haji Abdullah, Kedah 1821-1842: Satu Kebangkitan Orang Melayu, Esei Panjang, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1987/1988, hal. 73. Lihat juga Tarling, *op. cit.*, hal. 108 – 111. Lihat keterangan lanjut berkaitan beliau dalam Winstedt, 1936, hal. 184, dan Osborne, 1987, hal. 95.

<sup>36</sup> D. Hogan, 1972, “Men of the Sea, Coastal tribes of Thailand’s West Coast,” *JSS*, 60/1, hal. 205 – 235.

<sup>37</sup> Andaya B.W., “The Role of Anak Raja in Malay History”, dlm. *JSEAS*, Jld. VII, No. 2, September 1976, hal. 180.

<sup>38</sup> Sherard Osborn, 1857, *The Blockade of Kedah in 1838: A Midshipman’s Exploits in Malayan Waters*, London: Oxford University Press. Perjuangan Tunku Kudin bersama-sama dengan Tunku Sulaiman dan Dato Wan Muhammad Ali, menimbulkan ungkapan lisan;

Buang ke darat menjadi perompak, buang ke laut menjadi lanun,  
mati berjuang disangka petualang, mati terbunuh dianggap pejuang.

<sup>39</sup> Ejaan sebenar mungkin Wan Akan atau Wan Aqan.

<sup>40</sup> J. Anderson, 1924, *Political and Commercial Consideration Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlement in the Straits of Malacca*, Prince of Wales: William Cox., hal. 9, 25 – 26, 79, dan 95.

<sup>41</sup> Lihat juga *Asiatic Journal and Monthly Register for British India and its Dependencies: Vol. X, July to December 1820 dan 1828* yang mengandungi berita pelanunan di Pulau Pinang.

18 Februari 1827 itu, beliau mencatatkan Nakhoda Layer,<sup>42</sup> Nakhoda Udin,<sup>43</sup> Panglima Nahoo, Panglima Gouchang, Panglima Jagung, Jurumudi Abdul Kahar, Jurumudi Akeh, dan Jurubatu Najyed sebagai *pirates* atau perompak.<sup>44</sup> Terdapat beberapa laporan ke atas Nakhoda Udin beserta panglima-panglimanya yang aktif melanun di sekitar perairan Sungai Kurau, Perak hingga ke Kuala Muda Kedah pada sekitar tahun 1820-an.

### TINDAKAN PIHAK BRITISH

Oleh sebab kegiatan melanun merupakan perbuatan jenayah yang mengancam kestabilan politik, ekonomi dan keselamatan masyarakat, maka pihak kolonial telah mengambil tindakan yang lebih keras bagi mengekang kegiatan ini. Sudah menjadi dasar pihak kolonial, ‘kekerasan mesti dilawan kekerasan’, maka Negeri-negeri Selat menerima *Admiralty Court* yang diluluskan oleh Parlimen British melalui Akta Parlimen 1837, dan memberi kuasa kepada pihak British menguatkuasakan undang-undang anti pelanunan serta membenarkan tentera laut mereka untuk bertindak terhadap kegiatan melanun.

Kapal-kapal perang British juga beroperasi menghalang dan menyerang ‘lanun-lanun’ yang terlibat dalam perang-perang tempatan. Bagi menyekat pejuang-pejuang Kedah yang dianggap lanun, pihak British mengarahkan Laksamana Sir Edward W.C.R. Owen iaitu Ketua Turus Pemerintah Angkatan Laut Stesen Timur India mengatur rondaan di perairan Kedah. Kapal-kapal seperti *Dolphin*, *Royal Admiral*, *Greyhound*, *Princes Augusta* dan bot-bot besar digunakan untuk memantau pelabuhan Inggeris di Pulau Pinang di samping menyekat kegiatan merompak oleh Orang Laut, Siak dan Illanun di perairan Selat Melaka, khususnya di perairan utara Perak dan Kedah sekitar tahun 1790-an.<sup>45</sup> Sementara kapal perang Inggeris yang terlibat rondaan semasa perang Kedah – Siam ialah *Wolf*, *Hyacinth*,<sup>46</sup> *Victor*, *Diana*, *Diamond*, *Pearl*, dan *Emerald*, *Zepyr*, *Andromache* dan *Releigh*.<sup>47</sup> Setiap kapal perang ini diketuai oleh seorang kapten yang bertanggungjawab meronda dan mengawasi perairan dari Pulau Pinang hingga Setol pada setiap hari.

---

<sup>42</sup> Nakhoda Layer berketurunan Aceh dan dipercayai mempunyai hubungan dengan pembesar Siak dan Langkat. Beliau sering mengetuai aktiviti melanun di sekitar Selat Melaka dan berjaya ditangkap oleh Inggeris. Setelah dibicarakan, dia dikenakan hukuman penjara. Lihat surat *Supritandant. of Police Fort Cornwallis*, E. Stanley kepada William Patrie, *SSFR*, Vol. IV, ANM.

<sup>43</sup> Nama-nama ini tercatat dalam laporan *Supt. Fort of Cornwallis* kepada James Low bertarikh 8 Februari 1827. *SSFR*, Vol. V, ANM.

<sup>44</sup> Kadang kala ditulis mengikut ejaan Inggeris seperti Panglima *Paddie* (Padi), *Juru Battu* (Jurubatu), *Jurumudy* (Jurumudi), dan prahu (perahu) manakala nama Najyed (Najib). Lihat laporan pelanunan Nakhoda Udin dalam *SSFR*, Vol. V, ANM.

<sup>45</sup> R. Bonney, *Kedah 1771 – 1821: The Search for Security and Independence*, 1974, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hal. 91.

<sup>46</sup> Orang-orang Melayu mengenali kapal ini *Hai Seng*. Lihat Haji Ibrahim Ismail, 1987, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Kedah: Jawatankuasa Penerbitan Universiti Utara Malaysia, hal. 80.

<sup>47</sup> Semua kapal perang ini diketuai oleh seorang kapten yang meronda dari pulau Pinang ke Setol pada setiap hari. Misalnya Kapten Stanley mengetuai kapal *Wolf* dan Kapten Warren mengetuai kapal *Hyacinth*. *Ibid.*, hal. 79 – 80. Lihat juga Tarling, *op. cit.*, hal. 108 – 110.

Oleh hal yang demikian, keupayaan lanun untuk menawan kapal dan perahu pihak Barat agak sukar berbanding kapal dan perahu tempatan yang kurang dilengkapi senjata ‘berat’. Walau bagaimanapun, kegiatan melanun semakin berkurangan pada akhir abad ke-19 setelah pihak Barat berusaha bersungguh-sungguh membanteras kegiatan tersebut

Jadual berikut menunjukkan jumlah perahu dan kapal yang dserang dan dirompak sepanjang kedua-dua abad tersebut di pesisir Selangor, Perak dan Kedah dari tahun 1701 – 1899<sup>48</sup>

Tahun	1701 - 1750	1751 - 1799	1800 - 1850	1851 - 1899	
Kapal dan Perahu Melayu	8	12	17	13	50
Kapal dan Perahu bukan Melayu	3	4	9	12	28
Jumlah	11	16	26	25	78

Berdasarkan jadual di atas, jumlah perahu dan kapal yang dirompak pada abad ke-18 adalah kurang berbanding pada abad ke-19. Berdasarkan sumber-sumber tersebut, pada abad ke-18 sebanyak 37 kes rompakan telah dilaporkan, manakala pada abad ke-19 kes rompakan di laut meningkat kepada 51 kes. Daripada keseluruhan abad tersebut, ternyata kapal dan perahu Melayu menjadi sasaran utama perompak laut, berbanding kapal dan perahu bukan Melayu. Hal ini disebabkan kapal-kapal bukan Melayu terutamanya milik pihak Barat mempunyai kelengkapan senjata yang lebih canggih daripada senjata perompak laut.

### **SEKILAS PERBAHASAN: PERJUANG ATAU LANUN?**

Bagi kes menyerang dan membebaskan tanah air daripada penjajah, Nicholas Tarling merumuskan bahawa memang wujud kegiatan melanun dan keganasan di Alam Melayu, namun tidak munasabah untuk mengkategorikannya sebagai pelanunan.<sup>49</sup> Pengakuan Tarling ini berdasarkan beberapa kes peristiwa keganasan dan melanun yang berlaku semasa konflik perang saudara di Kedah hingga mengganggu aktiviti perdagangan. Oleh itu, pedagang-pedagang Barat khususnya meminta pihak berkuasa Inggeris di Pulau Pinang supaya campur tangan bagi menyelesaikan masalah ini. Tidak kurang juga, terdapat kes-kes melanun di laut berpunca daripada konflik antara pedagang Barat dengan para pembesar tempatan. Bagi Tarling, kes-kes sebegini dikatakan;

*... sometimes termed, cases of piracy. Some were indeed doubtful about describing these sort of activity as piracy but, in fact, since this*

<sup>48</sup> Sumber: Diubahsuai daripada laporan rompakan di laut dalam *SSFR Vol. IV dan Vol. V*; Buyong bin Adil, 1981, *Sejarah Perak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; Buyong bin Adil, 1981, *Sejarah Selangor, op. cit.*; Buyong bin Adil, 1980, *Sejarah Kedah, op. cit.*

<sup>49</sup> Nicholas Tarling, *op. cit.*, hal. 2.

*is a major means of securing the inter position of British power, there was a considerable pressure so to apply the term.*<sup>50</sup>

Walau bagaimanapun, penglibatan mereka secara terang-terangan ini adalah disebabkan perasaan tidak berpuas hati mereka terhadap ‘rampasan kuasa secara tidak langsung’ melalui perjanjian yang dibuat, khususnya dengan kuasa-kuasa Eropah. Kebanyakan perjanjian yang ditandatangani adalah berat sebelah dan bersifat penipuan serta menyebabkan para pembesar tempatan berasa kecewa. Mereka menjadikan aktiviti merompak kapal-kapal dagang Eropah, perahu-perahu tempatan, Cina, India dan lain-lain bagi memenuhi keperluan pendapatan yang semakin berkurangan akibat perjanjian tersebut, sekaligus menjadi punca kepada keaktifan kegiatan ‘melanun’ pada abad ke-18 dan ke-19.

Sebagai contoh, Francis Light yang memungkiri janji syarat-syarat menduduki Pulau Pinang 1786 menyebabkan Sultan Abdullah Kedah berpakat dengan Orang Illanun untuk menghalau Inggeris di Pulau Pinang. Baginda yang mendapat sokongan daripada pembesar dan ‘panglima tempatan bertindak balas menahan, merampas perahu-perahu pedagang di pesisir pantai Kedah dan Perak dan Selangor.<sup>51</sup> Hal ini dinyatakan oleh Francis Light dalam suratnya kepada Gabenor Lord Cornwallis di India;

Raja-raja yang dinafikan pendapatan mereka yang berupa keuntungan daripada hasil perdagangan, duti dan hadiah, kini menghadapi masalah untuk mengumpulkan pendapatan yang cukup bagi menanggung perbelanjaan negara. Ini menyebabkan lahirnya rasa tidak puas hati, sungutan, hasad dengki dan pelanunan.<sup>52</sup>

Kewujudan kegiatan melanun juga dikaitkan dengan faktor keperluan tenaga kerja, khususnya daripada pihak Belanda dan pemerintah tempatan. Mereka yang ditawan akan dipaksa bekerja sebagai pengutip sarang burung, mutiara dan teripang serta menjadi pendayung perahu perang. Oleh sebab permintaan terhadap sumber tenaga manusia begitu menggalakkan, keadaan ini menggalakkan kegiatan merompak dan menawan anak-anak kapal atau penduduk kampung untuk dijadikan hamba abdi. Pelaut-pelaut Barat seperti Forrest, Dampier, dan Vos mengakui kumpulan lanun Bugis-Makassar<sup>53</sup> yang berpangkalan di perairan Pulau Pinang sering menyerang kampung-kampung dan

---

<sup>50</sup> *Ibid.*, hal. 13.

<sup>51</sup> Keterangan dan minit mesyuarat berkaitan kegiatan melanun semasa pendudukan Siam di Kedah boleh dirujuk dalam *Straits Settlement Records List of Correspondence*, Vol. 5, Oct. 1813 – 1827, mic. Arkib Negara Malaysia.

<sup>52</sup> Petikan dalam Wurtzburg, 1935, ‘A Letter from Captain Light to Lord Cornwallis 20 June 1788’, *JMBRAS*, Jld. 16, Bil. 1, hal. 121.

<sup>53</sup> Tuan Haji Yaakub mengakui bahawa kebanyakan penduduk Pulau Aman ialah orang Bugis-Makassar. Selain itu, orang Bugis juga terdapat di beberapa buah kampung di sepanjang Sungai Perai.

menculik penduduk di peisisr pantai Asia Tenggara untuk dijual sebagai hamba.<sup>54</sup> Bukti ini dikukuhkan lagi melalui catatan J.G. Koenig ketika singgah di Dinding, Perak semasa beliau dalam perjalanan ke Kedah pada tahun 1779. Menurut Koenig, agak sukar kepada sesiapa sahaja untuk hidup di pulau-pulau lantaran takutkan ‘peniaga-peniaga hamba’ yang terdiri daripada lanun atau perompak laut.<sup>55</sup>

Setelah berjaya melemahkan pentadbiran tempatan, maka sudah tentu lebih mudah dasar imperialisme mereka untuk mencapai kejayaan. Hal ini disebabkan sekitar abad ke-18 dan ke-19, kuasa-kuasa Barat berlumba-lumba meluaskan jajahan masing-masing di Asia Tenggara.<sup>56</sup> Di Britain pula memang wujud golongan imperialisme *humanitarian* yang menyokong kuat dasar imperiaslisme terutamanya dengan matlamat dan retorik serampang dua mata, iaitu memenuhi kepentingan ekonomi British serta mewakili kehendak *white man’s burden*.<sup>57</sup> Salah satu cara untuk merealisasikan matlamat ini ialah menuduh para raja dan pembesar Melayu sebagai lanun. Dengan cara ini, pihak kolonial lebih mudah terlibat dalam ekspedisi membanteras pelanunan, sekalipun menyedari kebanyakan penentangan bermotifkan politik membebaskan tanah air.

Demi merealisasikan politik mereka, Inggeris sanggup bersikap “talam dua muka” dalam kes serangan para pejuang Kedah terhadap Siam. Kapal-kapal British yang mengawal perairan Kedah diarahkan menangkap pejuang-pejuang Kedah yang dianggap sebagai lanun.<sup>58</sup> Hal ini bertepatan dengan pandangan Dr. Mahmud Hamdi Zaqud yang menjelaskan bahawa penjajahan merupakan lanjutan daripada Perang Salib.<sup>59</sup> Selain itu, ‘isu’ berkaitan pelanunan turut dimasukkan dalam beberapa perjanjian yang ditandatangani bersama pembesar-pembesar tempatan seperti Perjanjian Inggeris – Kedah, 1786, Perjanjian Persahabatan dan Perikatan Inggeris – Kedah 1800, Persetian Inggeris-Belanda 1824, Perjanjian Burney 1826, Persetian Low 1826,<sup>60</sup>

<sup>54</sup> Lihat Forrest, 1792, *Voyages From Calcutta to the Mergui Archipelago, lying on the east side of the Bay of Bengal*, London: J. Robson, hal. 68; Dampier, 1931, *Voyages and discoveries*, London: Argonaut Press, hal. 91; dan Vos, 1933, *Gentle Jenus, merchant prince. The VOC and the tightrope of diplomacy in the Malay world, 1740 – 1800*, Leiden: KITLV Press, hal. 198.

<sup>55</sup> J.G. Koenig, 1894, ‘Journal of a Voyage from India to Siam and Malacca in 1779’, *JSBRAS*, hal. 128.

<sup>56</sup> Terdapat pelbagai takrif berkaitan imperialisme. Antaranya oleh Fieldhouse, “imperialisme ialah kecenderungan sesuatu masyarakat atau pemerintahan untuk mengawal masyarakat lain, biar dengan apa cara sekalipun.” Lihat D.K. Fieldhouse, 1983, *Colonialism 1870 – 1945: An Introduction*, London: Macmillan’s, hal. 1.

<sup>57</sup> Antara tokoh golongan ini ialah Cecil Rhodes, Alfred Milner, George Curzon dan Joseph Chamberlain yang menganggap tugas dan tanggungjawab suci yang perlu dipikul oleh bangsa kulit putih untuk mengembangkan tamadun Barat, teknologi Eropah dan ketinggian ajaran Kristian kepada seluruh penduduk dunia. Lihat James Morris, 1968, *Pax Britannica: The Climax of an Empire*, London: Faber & Faber, hal. 137 – 138.

<sup>58</sup> Mohd Isa Othman, 1999, *Gerakan Protes dalam Perspektif Sejarah Malaysia pada Abad ke-19 dan Awal Abad ke-20*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, hal. 36.

<sup>59</sup> Lihat perbincangan lanjut ‘Orientalisme dan Penjajahan’ oleh Dr. Mahmud Hamdi Zaqud, 1989, *Orientalisme: Kesan Pemikirannya terhadap Tamadun Islam* (terjemahan), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 22 – 26.

<sup>60</sup> Persetian Low yang ditandatangani pada 18 Oktober 1826 antara Perak dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris, antara syaratnya ialah, SHTI bersetuju memberi perlindungan kepada Perak sekiranya diancam oleh Siam, Selangor atau negeri-negeri Melayu yang lain. Sebagai bukti persetiaan tersebut, Kapten Low

Walau bagaimanapun, tindakan mereka menahan, menghalang dan menawan sesama kapal-kapal mereka tidak pula dilaporkan sebagai suatu aktiviti melanun, sekalipun ia jelas bersifat melanun seperti yang digambarkan terhadap pelaut-pelaut Melayu. Sebagai contoh, antara tahun 1778-1783, Perancis dikatakan telah menawan beberapa buah kapal Inggeris di perairan Kedah.<sup>61</sup> Hal yang sama juga dilakukan terhadap kapal-kapal Armenia di Selat Melaka pada 28 Mei 1795.<sup>62</sup> Begitulah juga dengan Belanda yang memaksa raja-raja tempatan agar tidak membuat perjanjian dengan kuasa-kuasa Barat lain dan menyekat kemasukan kapal-kapal China ke Selat Melaka tidak dianggap sebagai salah satu cara melanun.<sup>63</sup> Hakikatnya, persaingan dan tindak balas seperti ini merupakan sebahagian daripada punca berleluasa kegiatan ‘melanun’ di perairan Selangor, Perak dan Kedah, tetapi tidak dihebohkan lantaran anggapan mereka melaksanakan amanah ‘Beban Orang Kulit Putih’.

Begitulah juga dengan tindakan Perancis yang menahan kapal-kapal England di perairan Kedah 1778 – 1783 juga merupakan suatu tindakan melanun.<sup>64</sup> Antara tahun 1778 – 1783, kapal-kapal Perancis dikatakan pernah menawan kapal-kapal Inggeris di Perairan Kedah<sup>65</sup> dan kapal-kapal Armenia di Selat Melaka pada 28 Mei 1795.<sup>66</sup>

## PENUTUP

Isu pelanunan yang berlaku sekitar abad ke-18 dan ke-19 di pesisir pantai Kedah memang menggugat keselamatan pedagang dan keselamatan penduduk di persekitarannya. Ketiadaan sempadan dan wilayah perairan yang jelas menyebabkan kegiatan melanun kerap merentasi banyak negeri Melayu. Oleh sebab Kedah menjalankan urusan perdagangan dengan pihak British yang berpusat di negeri-negeri Selat khususnya Pulau Pinang, maka ancaman lanun menjadi alasan mereka untuk campur tangan dalam hal ehwal pentadbiran dan keselamatan dalam hal ehwal politik tempatan sekaligus sebagai strategi meluaskan wilayah kekuasaan mereka di Kepulauan Melayu. Dalam erti kata lain, kuasa-kuasa kolonial ini mempunyai niat tersembunyi yang bersifat “serampang dua mata” atau *killing two birds with one stone*, iaitu matlamat utamanya adalah untuk

---

melancarkan serangan dan memusnahkan kubu lanun di Sungai Kurau dan berjaya menawan Nakhoda Udin, yang dianggap sebagai ejen Siam.

<sup>61</sup> A. P. Rubin, 1974, *The International Personality of the Malay Peninsula: A Study of the International Law of Imperialism*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hal. 124.

<sup>62</sup> Lihat surat Phillip Manningto, Penguasa Pulau Pinang kepada Sir John Shore, Gabenor Janeral India pada 18 September 1795, (SSR(IOL), Vol. 7, f.415), nota kaki 51 dlm. Sivachandralingam Sundara Raja, 2005. *Sejarah Perdagangan Bebas*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, hal. 88.

<sup>63</sup> Bagi mengekalkan supremasi mereka di perairan Hindia Timur, pihak Belanda yang berpangkalan di Betawi menyediakan enam buah kapal perang dan beberapa buah kapal pengawal serta banyak lagi kapal tambahan untuk meronda Selat Melaka. Kapal-kapal luar perlu mendapatkan pas dari Betawi atau membayar sejumlah wang tertentu kepada pihak Belanda jika ingin mendapatkan keistimewaan di Selat Melaka. *Ibid.*, hal. 98.

<sup>64</sup> Lihat “Notice of Penang”, *JIA* (N.S), Vol. 2, 1858, hal. 199.

<sup>65</sup> *Ibid.*, hal. 198.

<sup>66</sup> Lihat surat Phillip Mannington, Penguasa Pulau Pinang kepada Sir John Shore, Gabenor Janeral India bertarikh 18 September 1795, *SSR* (IOL), Vol. 7, f.415.

menghapuskan saingan politiknya yang terdiri daripada raja-raja dan pembesar Melayu yang sangat berpengaruh dalam kalangan masyarakat di Alam Melayu.

## RUJUKAN

- Ahmad Jelani Halimi, (2006). *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka Abad ke-15 hingga ke-18*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya B.W. (1976). "The Role of Anak Raja in Malay History", dlm. *JSEAS*, Jld. VII, No. 2, September 1976.
- Anderson, J., (1924). *Political and Commercial Consideration Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlement in the Straits of Malacca*. Prince of Wales: William Cox.,
- Andrian B. Lopian, (2009). *Orang Laut-Bajak Laut-Raja Laut: Sejarah Kawasan Laut Sulawesi Abad ke XIX*. Jakarta: Komunitas Bambu.
- Asiatic Journal and Monthly Register for British India and its Dependencies: Vol. X, July to December 1820*.
- Bonney, R., (1974). *Kedah 1771 – 1821: The Search for Security and Independence*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Buyong Adil, (1980). *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. C.O. 273/1, "WKTD".
- Dampier, (1931). *Voyages and discoveries*, London: Argonaut Press.
- Fieldhouse, D. K., (1983). *Colonialism 1870 – 1945: An Introduction*. London: Macmillan's.
- Forrest, T., (1792). *Voyages From Calcutta to the Mergui Archipelago, lying on the east side of the Bay of Bengal*, London: J. Robson.
- Koenig, J. G., (1894). 'Journal of a Voyage from India to Siam and Malacca in 1779', *JSBRAS*.
- Light Letters, MS 40320/3, S.O.A.S.
- Logan, J. R., (1851). "Notices of Penang" dlm. *JIAEA*, Vol. IV.
- Mohd Isa Othman, (1999). *Gerakan Protes dalam Perspektif Sejarah Malaysia pada Abad ke-19 dan Awal Abad ke-20*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Princes of Wales Island Gazzete* bertarikh 14 Disember 1834.
- Rubin, A. P., (1974). *Piracy, Paramountcy and Protectorates*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rubin, A.P., (1974). *The International Personality of the Malay Peninsula: A Study of the International Law of Imperialism*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sherard Osborn, (1857). *The Blockade of Kedah in 1838: A Midshipman's Exploits in Malayan Waters*, London: Oxford University Press.

- Shi Fa Xian, (1985). *Fa Xian Zhuan Jiao Zhu (The Travel Notes of Fa Xian)*. Shanghai: Shanghai Guji Chuban She.
- Sivachandralingam Sundara Raja, (2005.) *Sejarah Perdagangan Bebas*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sopher, E.D., (1977). *The Sea Nomads*. Singapore: National Museum Singapore.
- SSFR* 4, 1905, 22<sup>nd</sup> December 1790, Francis Light to General of India, Gullin & Zehnder.
- SSFR*, Vol. 144, 8 Februari 1828.
- SSR (IOL)*, Vol. 7, surat Phillip Mannington, Penguasa Pulau Pinang kepada Sir John Shore, Gabenor Janeral India bertarikh 18 September 1795.
- SSFR*, Vol. V, ANM, laporan *Supt. Fort of Cornwallis* kepada James Low bertarikh 8 Februari 1827.
- Tan Din Eing, (1975). *Sejarah Malaysia dan Singapura*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Trocki, C.A., (1979). *Prince of Pirates*. Singapore: National University of Singapore Press.
- Winstedt, R.O., (1986). *A History of Malaya*. Kuala Lumpur: Merican and Sons.
- Wurtzburg, (1935). 'A Letter from Captain Light to Lord Cornwallis 20 June 1788', *JMBRAS*, Jld. 16, Bil. 1.